

# Ratusan pemilik kereta cemas KL dilanda banjir kilat


Oleh AZZMAN ABDUL JAMAL  
dan RIDZAUDDIN ROSLAN

**KUALA LUMPUR** – Kira-kira 115 pemilik kenderaan pelbagai jenis berdepan detik cemas apabila kenderaan yang mereka dinai-ki ditenggelami air banjir dalam dua kejadian berasingan di ibu kota semalam.

Ketua Operasi Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Azizan Ismail berkata, kejadian pertama berlaku di hadapan kondominium Duta Vista di Jalan Duta dekat bangunan Parlimen mengakibatkan hampir 100 buah kenderaan terperangkap dalam banjir kilat ekor hujan lebat sejak pukul 6.30 petang semalam.

Katanya, kejadian kedua pula berlaku di hadapan pintu masuk Universiti Malaya (UM) di Lembah Pantai melibatkan sebanyak 15 buah kenderaan.

“Seramai 20 pegawai dan anggota daripada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sentul, Hang Tuah dan Gombak Selatan telah



**PULUHAN** kenderaan hampir tenggelam akibat banjir kilat di hadapan kondominium Duta Vista, Jalan Duta, Kuala Lumpur semalam.

dikejarkan ke Jalan Duta sebaik kami menerima panggilan kecemasan pada pukul 7.15 malam.

“Pihak bomba juga telah mengerahkan seramai 13 pegawai dan anggota dari-




**SEORANG** pemandu teksi terpaksa naik di atas bumbung kenderaannya untuk menyelamatkan diri di hadapan pintu masuk Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

pada BBP Seputeh dan Pantai untuk ke UM selepas menerima panggilan kecemasan pada pukul 7.39 malam,” katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, pihak

bomba telah mengarahkan orang ramai yang berada di lokasi supaya meninggalkan kenderaan masing-masing serta bergegas ke lokasi yang lebih selamat.

“Kami meminta orang



**PULUHAN** pemandu terpaksa bergegas keluar dari kereta masing-masing selepas air naik dengan cepat di hadapan kondominium Duta Vista, Jalan Duta, Kuala Lumpur semalam.

ramai berbuat demikian kerana arus air dilaporkan deras serta paras air dianggarkan setinggi satu meter.

“Pada masa sama, kami juga ada menerima panggilan kecemasan berhubung

kejadian banjir sekitar Jalan Bangsar; namun tiada mangsa dilaporkan di lokasi tersebut,” ujarnya.

Azizan berkata, air surut kira-kira pukul 10.30 malam tadi.